

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar kelulusan dan jumlah yang dikeluarkan melalui program iLestari, i-Sinar dan i-Citra. Nyatakan jumlah dan peratus pencarum KWSP di mana simpanan pekerja tidak mencukupi dan menepati nilai yang disyorkan berdasarkan kategori umur, jantina dan kelas pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra adalah program-program pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh KWSP dan terbuka kepada ahli di bawah umur 55 tahun tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi membantu kelangsungan hidup ahli dalam menempuhi cabaran dan impak Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19.

Kadar kelulusan dan amaun pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra

2. Bilangan ahli yang telah membuat pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra dan amaun pengeluaran yang diluluskan adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bilangan Ahli dan Amaun Pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra (Setakat 31 Ogos 2021)

Jenis Pengeluaran	Bilangan Ahli	Amaun Diluluskan
i-Lestari	5.27 juta	RM 20.78 bilion
i-Sinar	6.57 juta	RM 58.78 bilion
i-Citra (setakat 31 Ogos 2021)	4.98 juta	RM 20.58 bilion
Jumlah Ahli Yang Terlibat	7.33 juta	RM 100.14 bilion

Secara keseluruhannya, 7.33 juta ahli tersebut adalah mewakili 58% daripada jumlah 12.6 juta ahli yang berumur di bawah 55 tahun.

3. Daripada 5.19 juta ahli yang diluluskan permohonan i-Citra (setakat 29 September 2021), sebanyak 1.44 juta ahli atau 28% adalah ahli yang mempunyai amaun pengeluaran yang kurang daripada RM5,000. Ini bermakna 3.75 juta atau 72% adalah ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM5,000 semasa membuat permohonan pengeluaran i-Citra.

4. Antara faktor simpanan rendah di kalangan pencarum adalah:-
- a) 4.90 juta atau 94 peratus telah membuat pengeluaran i-Lestari dan/atau i-Sinar;
 - b) 1.75 juta atau 34 peratus adalah tidak aktif mencarum dalam 12 bulan terakhir; dan
 - c) 1.62 juta atau 31 peratus adalah berumur di bawah 30 tahun iaitu golongan yang baru mula bekerja dan baru mula untuk membina simpanan mereka di KWSP.
5. Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan semasa dan komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia. Sehubungan itu, memandangkan ke hadapan, dari aspek perlindungan sosial jangka panjang, pelan Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) sedang menerokai langkah-langkah untuk meningkatkan liputan dan kecukupan perlindungan sosial bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat perlindungan serta kemampuan dalam memperbaiki taraf hidup mereka. Aspek jaringan keselamatan sosial terutamanya untuk golongan rentan juga akan terus diberi tumpuan di dalam Bajet 2022.

Sekian, terima kasih.